


**CEMERLANG ACCA FIA
NOR ANIS TERBAIK
DI MALAYSIA
DAN DUNIA**



M17

Harian

Metro

RASAI
BERITA
SEBENAR

**RAIH RM2K SEHARI
ADA PENGEMIS
TINGGAL DI HOTEL**

M121

6.000 KAPAL KARAM DI MALAYSIA BELUM DIKENALPASTI DAN DITEROKA

KHAZANAH TERBENAM DALAM LAUT



Perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan menjadi kubur kepada lebih 6,000 pelbagai kapal yang karam sejak ratusan tahun lalu. Sehingga kini, hanya 153 tapak kapal karam sudah dikenal pasti dan diterokai manakala selebihnya terus menjadi misteri walaupun sebahagian besar kapal itu menyimpan khazanah tidak ternilai dari segi kewangan, warisan dan sejarah. Malah, ada antara tapak itu dijarah pihak tidak bertanggung jawab. *lapor Mahaizura Abd Malik*

M167

Kurang pakar arkeologi laut

Penerokaan kapal karam di Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding Singapura, Thailand

Oleh Mahaira
Abd Malik
mahaira@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kekurangan pakar arkeologi maritim sejalan bis tinggi menjadi antara kelangan utama aktiviti penerokaan dan penyelidikan kapal karam di perairan negara ini tidak begitu meluas berbanding negara serantau lain.

Pakar arkeologi darat dan laut Prof Madya Dr Aisyah Muhammad (**gambar**) berkata, sejarah penyelidikan kapal karam di negara ini mula aktif sejak era 1980-an yang ketika itu dikawal selia Jabatan Maritim dan Antikuiti dengan kerjasama pihak dari luar negara.

"Melihat kepada bukti serta sejarah negara terutama Semenanjung yang terkenal sebagai laluan perdagangan timur dan barat yang aktif selain penjajahan orang luar termasuk Eropah, Portugis, Belanda, Inggeris dan sebagainya, saya yakin memang banyak kapal karam di perairan negara kita belum ditelaah sepenuhnya.

"Di Malaysia, selain kepakaran Jabatan Warisan Negara (JWN), pakar penyelidik tempatan yang berpusat di universiti awam... cuma saya, tetapi lebih memberi tumpuan di perairan Semenanjung Malaysia manakala bahagian Sabah ditendalikan Baszley Bee Baszley Bee dari Universiti Malaysia Sabah.

"Selain kekurangan pakar, cabaran utama kita ialah bidang arkeologi maritim ini memerlukan belanja besar kerana peralatan saintifik bagi mengesan dan menye-



lidik kapal karam itu agak mahal," katanya kepada Harian Metro.

Beliau yang juga Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, Malaysia perlu bergerak ke hadapan untuk merungtali kesekeluan kapal karam di perairan negara yang dipercayai mengandungi khazanah dan warisan negara tidak ternilai harganya.

"Saya mencadangkan kita perlu melahirkan lebih ramai pelapis dengan mewujudkan kursus arkeologi ma-

ritim di universiti tempatan dengan bimbingan tenaga pakar bertauliah dan mahir dalam bidang ini.

"Buat masa ini, salah satu usaha saya mengembangkan bidang ini ialah dengan menawarkan bimbingan kepada mereka dari latar belakang Kursus Sejarah dan Arkeologi yang bermula menyambangi pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) di bawah Atma kerana kursus ini tiada ditawarkan dalam sarjana muda.

"Sekiranya seseorang itu ingin mendalami bidang ar-

keologi bawah air ini, selazang-kurangnya mereka mesti mahir dan menguasai beberapa disiplin lain seperti ilmu asas arkeologi, sejarah maritim, ilmu pelayaran, sejarah peribiasan kapal, ilmu seni artifak, ilmu menyelam, ilmu samudera serta ilmu menggunakan peralatan yang bersesuaian dengan kaedah kajian," katanya.

Menurutnya, beliau melihat bidang ini berpotensi dikembangkan kerana memang memerlukan kepakaran profesional untuk menyelidik tinggalan sejarah

yang bukan terdampai di seluruh negara.

Selain menawarkan kerjaya profesional, katanya, bidang ini juga memberikan aspek positif terutama menjana pendapatan negara menerusi pengkomersialan artifak dan pameran galeri atau muzium.

"Melalui aktiviti arkeologi maritim ini, kita juga boleh menawarkan satu lagi produk pelancongan 'arkeotourism' secara tidak langsung ia memangkin industri baru pelancongan negara kita.

"Justeru, pihak berwajib seperti Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Budaya, kerajaan negeri serta Kementerian Pengajian Tinggi diharap dapat menyokong usaha ini dengan menyalurkan dana penyelidikan kepada penyelidik secara one-off atau top down untuk memangkin bidang ini dalam negara.

"Faktor ini dapat melonjak bidang ini di negara kita dan seterusnya mendatangkan hasil berlipat kali ganda dari aspek produk industri pelancongan, ledangan artifak serta pemuliharaan warisan negara," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sudah tentu rugi jika hanya membiarkan khazanah negara bernilai tinggi itu terdampar di dasar lautan sejak berkurun lamanya tanpa menjadukan pencarian.

"Sampai bila kita hendak bergantung kepada penyelidik luar untuk menyelenggarakan warisan

kita? Lama kelamaan negara kerugian...lihatlah Sen Sostrund antara 1990-an hingga 2000-an, dia berjaya meneroka hampir 30 buah kapal karam yang mempunyai khazanah seperti artifak, logam, senjata dan lain-lain yang bernilai tinggi dari seluruh perairan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

"Malah, jika hendak dibuat perbandingan, kita jauh ketinggalan daripada Singapura dan Thailand yang mempunyai ramai pakar dalam bidang ini.

"Saya ambil contoh, pertengahan tahun lalu penyelidik Singapura berjaya menemui dua kapal karam di kawasan berdekatan perairan Johor yang mengandungi artifak seramik bernilai tinggi.

"Jadi, tidak mustahil masih banyak lagi khazanah bernilai tinggi tersimpan bersama kapal yang karam di dasar laut kita," katanya.



Kuala Lumpur: Bukan hanya di daratan, malah peralihan negara yang menjadi laluan kapal karam bersama khazanah tidak ternilai harganya turut menjadi perhatian pihak luar terutama pencari harta karun yang bergerak secara solo atau berkumpulan.

Sumber berkata, kebiasaannya pencari harta karun ini dikategorikan kepada dua kumpulan dan kegiatan itu sudah dikesan sejak 1970-an lagi.

"Ada pencari harta karun profesional, malah ada juga yang percaya dengan mitos menggunakan ka-

RM500 satu pinggan seramik Dinasti Song

edah tradisional untuk mencari atau menarik harta itu.

"Ada yang menggunakan pendekatan secara mistik iaitu khidmat bomoh dalam mengiribus secara batiniah artifak yang dimahukan dan kebanyakan sasaran mereka ialah emas," katanya.

Menurut sumber itu, lazimnya di lautan mereka yang terlibat ialah nelayan dan syarikat besar yang mempunyai peralatan canggih untuk mengesan kedudukan kapal karam itu.

"Bagi nelayan, kemungkinan mereka terjempit artifak atau tapak kapal karam itu secara tidak sengaja semasa kerja menjangkau atau memukat.

"Namun, terdapat juga kapal perikanan peribadi yang dilengkapi dengan peralatan pengimbas canggih, cuba mengesan tapak kapal karam dan sebarang artifak

yang ada di dalamnya.

"Selain itu, syarikat minyak dan gas misalnya menjalankan kegiatan mencari minyak di lautan termasuk artifak secara tidak sengaja. Saya yakin banyak kerana mereka mempunyai peralatan canggih tetapi kita tiada bukti kukuh kegiatan ini," katanya.

Ada yang menggunakan pendekatan secara mistik iaitu khidmat bomoh

Namun, katanya, ada juga individu secara terang-terangan melakukan kegiatan mencari artifak yang seolah-olah mencabar pihak berkuasa dengan menyebarkan aktiviti mereka di media sosial seperti Facebook dan YouTube.

Menurutnya, individu terlibat tidak menemui bangkai kapal karam namun mereka memperolehi artifak terbukti menerusi nelayan pada harga murah sebelum dijual pada harga berlipat kali ganda.

"Memanglah pada dasarnya individu itu tidak jumpa kapal karam, tetapi secara tidak langsung dia terlibat aktiviti yang kita fikirkan haram apabila bertemu nelayan dan membeli artifak itu dengan harga murah misalnya RM500 untuk satu pinggan seramik Dinasti Song.

"Kemudian dia menjualnya semula di pasaran gelap dengan harga berkali ganda.

"Itulah antara kegiatan haram yang kita memang kendal pasti berlaku di negara ini... sampai sekarang pun ada," katanya.

lokal

KAPAL KARAM DITEMUI



1 Tanjung Simpang Mengayau (960-1126) - di Tanjung Simpang Mengayau, Kudat, Sabah (muatan barang dagangan Dinasti Song seperti mangkuk seladon)

2 Turiang (+/- 1370) - di perairan Pantai Timur pada 1998 (bahan seramik dari Thailand, Vietnam dan China sejak abad ke-14 Masihi)



3 Nanyang (+/- 1380) - di perairan Pantai Timur

4 Longquan (+/- 1400) - di perairan Terengganu pada 1996 (muatan seperti seladon China, Sisatchanalai dan tembikar Sukhotai dari Thailand)

5 Royal Nanhai (+/- 1460) - di perairan antarabangsa iaitu 40 batu nautika dari Semenanjung Malaysia pada 1995 (21,000 seramik termasuk lima mangkuk seramik China berwarna biru dan putih)

6 Xuande (+/- 1500) - kira-kira 60 batu nautika dari perairan pantai Terengganu pada 1996 (porselin China berwarna biru dan putih dan seramik bercorak)

7 Singtai (+/- 1550) - di Pulau Redang pada 2001 (muatan tempayan Thailand)

8 Nassau (+/- 1606) - di Bambek Shoal iaitu kira-kira lima kilometer dari luar Port Dickson, Negeri Sembilan (meriam, senopang dan syiling perak Sepanyol)



9 Wanli (1630) di perairan Dungun, Terengganu pada 2003 (muatan porselin biru dan putih)

10 Risdam (+/- 1727) - di Mersing, Johor pada 1984 (tembikar, jongkong timah dan emas dan gading gajah)



11 Diana (+/- 1817) - ditemui pada 1993 (pinggan mangkuk, set teh, bekas penyimpan sayur, buah-buahan dan barangan tembikar)



12 Desaru (+/- 1830) - di Pantai Desaru, Johor pada 2001 (70,000 artifak termasuk seramik porselin biru putih China, teko, tembikar batu serta sudu)



13 Ranee (1923) - di perairan Sedili, Kota Tinggi, Johor (muatan bijih timah, getah dan rotan)

14 Kapal berenjin wap di Penjom, Kuala Lipis Pahang pada Januari 2021

15 Kapal zaman Kesultanan Melaka di Pulau Melaka (syiling zaman pemerintahan Sultan Mahmud antara 1488 hingga 1511, tembikar dan porselin dari Dinasti Ming dan Qing, mata wang Belanda jenis VOC dan mata wang Portugis)

16 Artifak dan serpihan kayu di Syah Bandar, Melaka

17 Kapal besi berenjin wap di Paloh Hinai, Pekan, Pahang

18 Artifak dan serpihan Kayu di Kuala Pahang, Pekan

19 Kapal purba abad ke-15 hingga 17 di Pulau Bidong, Terengganu pada 2012 (tempayan, takar, pasu)



KAPAL KARAM DI PERAIRAN NEGARA

153 TAPAK DAH DIREKOD

Oleh Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Aktiviti penyelidikan arkeologi di perairan negara giat dijalankan secara berterusan dengan kerjasama semua pihak termasuk pakar tempatan, universiti dan agensi awam.

Ketua Pengarah merangkap Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara (JWN), Mohd Azmi Mohd Yusof berkata, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) memperuntukkan Cawangan Arkeologi Bawah Air JWN bertanggungjawab dalam kerja-kerja penyelidikan melalui survei dan salvaj warisan kebudayaan bawah air selain memelihara serta memulihara khazanah berkenaan.

Katanya, matlamat ut-

ma menjalankan penyelidikan arkeologi bawah air bukan semata-mata bertujuan mendapatkan artifak atau harta karam sahaja berikutan ia tidak mencukupi untuk menerangkan keadaan sebenar tapak atau kapal itu.

"Penemuan artifak sahaja tidak dapat memberi sumbangan ke arah memahami sejarah dan kebudayaan yang berkaitan dengannya.

"Justeru, kajian lanjut perlu dibuat ke atas tapak kapal karam itu secara menyeluruh dan terkawal sebelum setiap aspek dan fakta sampingan yang ada padanya direkodkan bagi memudahkan inter-

pretasi dibuat ke atas warisan kebudayaan bawah air," katanya.

Sehingga kini, katanya, sebanyak 153 tapak kapal karam direkodkan dengan 66 daripadanya sudah menjalani survei dan kajian.

"Penyelidikan tapak kapal karam dikategorikan mengikut era pensejarahan maritim Malaysia.

"Ia merangkumi kapal karam bermula dari abad ketiga Masihi sehingga kurun ke-19 dan kapal karam era Perang Dunia

Kedua dalam bentuk tapak kapal perang, kapal selam dan kapal terbang milik pihak bersekutu dan Jepun selain kapal yang karam di bawah 100 tahun," katanya.

Katanya, JWN dengan kerjasama pihak berkaitan yang menjalankan siri penyelidikan arkeologi bawah air turut menemui beberapa lagi penemuan terkini.

"Ia termasuk penemuan kapal jenis enjin wap di Penjom, Kuala Lipis; kapal besi jenis enjin

wap Paloh Hina, Pekan serta artifak dan serpihan kayu di Kuala Pahang, Pekan.

"Di Melaka, kapal karam Kesultanan Melaka ditemui di Pulau Melaka serta artifak dan serpihan kayu di Syah Bandar, manakala satu lagi kapal karam ditemui di Pulau Bidong, Terengganu.

"Antara artifak objek bersejarah yang ditemui ialah pecahan kayu dan peralatan badan kapal, wang Kesultanan Melaka zaman pemerintahan Sultan Mahmud (1488 hingga 1511), pecahan seramik seperti tembikar dan porselin dari Dinasti Ming, mata wang

Belanda jenis VOC dan mata wang Portugis.

"Turut ditemui ialah seramik Sawankhalok dari kurun ke-16 hingga 17, seramik celadon dari Dinasti Song, porselin dari Dinasti Ming, duit syiling China dari Dinasti Tang, Song dan Ming serta syiling Kesultanan Pahang," katanya.

Menurutnya, JWN juga mewartakan lima kawasan sebagai Zon yang dilindungi di bawah Seksyen 64 Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] kerana dikenal pasti mempunyai warisan kebudayaan di bawah air yang amat sensitif dan perlu dipelihara sepenuhnya.

"Kajian lanjut perlu dibuat ke atas tapak kapal karam"
Mohd Azmi

6,000 kapal pelbagai negara disyaki karam

Kuala Lumpur: Penemuan sebanyak 153 tapak kapal karam di dasar Laut China Selatan dan Selat Melaka membuktikan perairan negara adalah laluan penting maritim suatu masa lalu yang masih banyak 'menyimpan' khazanah berharga.

Malah, berdasarkan rekod perkapalan dan sumber Belanda, Portugis dan British menyatakan lebih 6,000 kapal dipercayai karam pada kedalaman antara lima hingga 65 meter di perairan negara.

Keadaan itu secara tidak langsung terus diselubungi misteri kerana sebahagian besarnya dikatakan mengandungi warisan tidak ternilai yang belum dirungkai sehingga kini.

Kebanyakan kapal karam sama ada dipukul ribut atau ombak, terlanggar batu karang, masalah teknikal selain terbabit dalam peperangan ketika zaman penjajahan Portugis, Belanda, British dan Jepun.

Ketua Pengarah merangkap Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara (JWN), Mohd Azmi Mohd Yusof berkata, rekod inventori mengenal pasti masih banyak kapal karam di perairan negara belum diteroka dan ditemui, dengan sebahagiannya ada

sejarah penting negara.

"Kapal seperti Flor De La Mar, Mendam Berahi dan kapal dagang dari Eropah, Arab, India dan China yang mempunyai kaitan dengan perdagangan maritim, peperangan dan perluasan kuasa bermula dari Kedah, Melaka, Pahang, Kelantan hingga ke Sabah dan Sarawak.

"Segala aktiviti ini bermula dari zaman prasejarah, sejarah Kesultanan Melayu Melaka sehingga ke zaman kolonial dan Perang Dunia Kedua mempunyai rekod penting warisan negara yang terdampar dalam air masih belum ditemui dan diterokai untuk dirungkai dan dikaji sejarahnya.

"Berdasarkan maklumat semasa rekod yang diperolehi dari sumber Belanda, Portugis, British serta rekod perkapalan di Malaysia, dianggarkan lebih 6,000 buah kapal dipercayai karam di dasar perairan Malaysia pada kedalaman antara lima hingga 65 meter," katanya.

Mohd Azmi berkata, 10 daripada kapal karam berkenaan sudah dijalankan survei, manakala beberapa kapal lagi masih dijalankan kerja ekavasi dengan kerjasama penyelidik dari luar negara.



ANTARA artifak yang ditemui di perairan negara.

Tak jual artifak kebanggaan negara

Kuala Lumpur: Artifak yang ditemui di sesebuah negara tidak boleh dikomersialkan tanpa melihat kepada kategori dan nilainya.

Pakar arkeologi darat dan laut, Prof Madya Dr Asyari Muhamad berkata, artifak purba mempunyai kaitan kepada sesebuah negara di mana sesetengah daripadanya mempunyai nilai tinggi jika dikomersialkan.

Sebagai contoh, katanya, terdapat pengumpul barangan antik secara peribadi cuba melelongkan koleksi artifak mereka di pusat lelongan antarabangsa seperti

Sotheby's dan Christy. "Ahli arkeologi di Malaysia mempunyai pelbagai pandangan tentang isu ini di mana ada yang bersetuju beberapa jenis artifak yang ditemui boleh dikomersialkan, manakala sesetengahnya pula berpendapat sebaliknya.

"Secara umumnya, pengelasan artifak boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu artifak bernilai *Universal Outstanding Value* (UOV) atau juga dikenali sebagai artifak mempunyai nilai keistimewaan sejagat seperti seramik, syiling lama, senjata, manik, alat batu purba, gading gajah, emas atau sebagainya. "Keduanya ialah artifak

yang mempunyai nilai lebih daripada UOV iaitu warisan kebanggaan negara atau berkaitan dengan sejarah sesebuah negara misalnya keris Taming Sari atau kapal Mendam Berahi sekiranya dijumpai, memang kita tidak boleh jual langsung.

"Saya ambil contoh satu peristiwa pada zaman peperangan 1975 di Angkor Wat, Kemboja, pencuri barangan purba memangkak kepala patung batu (Tuhan Hindu), Shiva yang dianggarkan bernilai puluhan juta dan diseludup ke pasaran New York sebelum dipulangkan semula ke Phnom Penh selepas campur tangan Pertubuhan

Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco)," katanya.

Dari segi pemilikan hak berdasarkan kawasan artifak itu ditemui, katanya ia tertakluk kepada kiraan jarak zon perairan yang ditetapkan.

"Katakanlah kita jumpa seramik porselin yang mempunyai UOV di rantau Asia Tenggara, yang bukan warisan sebenar kita tetapi halnya jumpa di negara kita, jadi kita berhak dan boleh dikomersialkan dengan syarat ia dijumpai dalam zon perairan kita," katanya dalam satu kenyataan.